

Kereta Terjunam Masuk Sungai

Oleh: Nur 'Aisyah Che Khalid, 1180303

JITRA: Seorang lelaki nyaris maut apabila kereta Proton Wira dipandunya terjunam ke dalam sungai di Jalan Sungai Korok pada 7 November 2020.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4.20 petang itu, mangsa yang berusia dalam lingkungan 50-an terselamat dan kemalangan itu dipercayai berpunca daripada jalan yang berlopak dan ditakungi air akibat hujan.



Gambar hiasan

Menurut seorang saksi dikenali sebagai Ridzuan berkata, dia yang datang dari arah bertentangan melihat kereta tersebut hilang kawalan sebelum terjatuh ke dalam sungai.

“Saya melihat mangsa berjaya menyelamatkan diri dengan keluar daripada keretanya melalui tingkap yang terbuka.

“Kami membimbingnya supaya berenang ke tebing megikut arus sungai sebelum saya dan rakan menariknya keluar dari sungai,” katanya yang kebetulan berada di tempat kejadian ketika itu bersama-sama rakannya.

Ridzuan kemudian menghubungi talian kecemasan dan mangsa yang terselamat memberitahu bahawa dia berseorangan di dalam kereta tersebut.

Menurutnya, mangsa hanya mengalami trauma dan kecederaan ringan di kepala serta dada.

Ridzuan berkata bahawa kejadian seperti ini sering berlaku sehingga menyebabkan kematian.